

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA,
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL KOSONG,
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR
TARIKH : 05 DISEMBER 2016 (ISNIN)

SOALAN

Dr. Ariffin bin S.M. Omar minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan berapakah bilangan kes kahwin bawah umur ("child marriages") di Malaysia dari tahun 2010 hingga 2015 mengikut pecahan negeri dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kes kahwin bawah umur.

JAWAPAN

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT Tuan Yang Dipertua, Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), jumlah kes permohonan perkahwinan bawah umur (Muslim) bagi tahun 2010 hingga sehingga bulan Oktober 2015 adalah sebanyak 6,145 kes. Bagi tahun 2010, tiga negeri yang mencatatkan jumlah kes tertinggi adalah negeri Kelantan (231 kes), Sarawak (167 kes) dan Terengganu (107 kes). Manakala bagi tahun 2015 sehingga bulan Oktober, tiga negeri yang mencatat kes tertinggi adalah Sarawak (151 kes), Kelantan (115 kes), dan Kedah (81 kes). Sementara bagi perkahwinan bukan Muslim, rekod daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dipecahkan kepada dua iaitu Perkahwinan Perempuan Bawah Umur 18 tahun dan Perkahwinan Lelaki Berumur 18 tahun hingga 21 Tahun. Bagi kes Perkahwinan Perempuan Bawah Umur 18 Tahun, data dari tahun 2010 sehingga bulan Oktober 2015 telah mencatatkan sebanyak 2,731 kes. Pada tahun 2010 tiga negeri yang mencatat kes tertinggi bagi Perkahwinan Perempuan bawah 18 tahun adalah Sarawak (191 kes), Johor (96 kes) dan Selangor (43 kes). Manakala bagi tahun 2015 sehingga bulan Oktober jumlah kes tertinggi adalah negeri Sarawak (117 kes), Johor (44 kes) dan Perak (31 kes). Bagi kes Perkahwinan Lelaki Berumur 18 Tahun hingga 21 Tahun, sebanyak 11,280 kes telah dicatatkan sejak tahun 2010 sehingga bulan Oktober 2015. Tiga negeri telah mencatat kes tertinggi bagi tahun 2010 adalah Sarawak (622 kes), Johor (315 kes) dan Selangor (195 kes). Manakala bagi tahun 2015, rekod sehingga bulan Oktober, masih lagi menunjukkan tiga negeri yang sama mencatat kes tertinggi dengan Sarawak (383 kes), Johor (217 kes) dan Selangor (136 kes). Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendirian bahawa kanak-kanak perlu diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka sepenuhnya. Sebarang aktiviti yang mungkin membantutkan perkembangan mereka terutamanya dari segi pendidikan dan kesihatan harus ditegah supaya mereka dapat mengejar masa hadapan yang lebih luas dan cerah. Perkahwinan bawah umur akan memberi cabaran meliputi tekanan daripada segi fizikal dan mental yang merangkumi pelbagai aspek seperti kesihatan, pendidikan dan

kewangan terhadap seorang kanak-kanak, terutamanya kanak-kanak perempuan. Membenarkan kanak-kanak berkahwin tanpa asas yang kukuh bermakna meletakkan beban dan tanggungjawab berat sebagai suami isteri atau ibu bapa atas bahu mereka. Jika mereka belum bersedia dengan tanggungjawab berat ini, dikhuatiri ia membuka lebih ruang berlaku perceraian pada usia muda dan masalah-masalah sosial yang lain. Antara langkah-langkah yang diambil oleh KPWKM dalam menangani isu perkahwinan bawah umur ialah: a. Pewujudan Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduktif Kebangsaan untuk dilaksanakan oleh kementerian dan agensi yang bertanggungjawab dalam memberikan pendidikan mengenai kesihatan reprodktif serta advokasi dalam kalangan masyarakat seperti Program Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEKERTI). Program PEKERTI@Sekolah yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia, KPM bertujuan untuk melahirkan individu yang berpengetahuan dan mempunyai sikap positif dalam bidang kesihatan reproduktif dan sosial untuk menangani isu-isu sosial remaja. Program ini dijadikan sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah untuk murid Tahun 6 iaitu selepas UPSR, pelajar Tingkatan 3 iaitu selepas PT3 (Penilaian Tahap 3) dan pelajar Pendidikan Khas di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Malaysia mulai tahun 2012. Sehingga Oktober 2015 seramai 8,194 orang pelajar telah mengikuti program ini. b. Program PEKERTI turut dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), dengan mensasarkan tenaga pengajar bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkaitan kesihatan reproduktif dan sosial kepada bakal guru. Sehingga Oktober 2015 seramai 2,118 orang pensyarah dan bakal guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan daripada 25 buah IPGM telah mengikuti program PEKERTI@IPGM ini. c. Pewujudan 16 pusat remaja kafe@TEEN oleh LPPKN di seluruh negara. Kafe@TEEN mensasarkan golongan remaja berumur antara 13 hingga 24 tahun bagi memberi maklumat berkaitan isu-isu psikososial termasuk menyediakan khidmat kaunseling kepada remaja. Antara aspek yang diberi tumpuan ialah hubungan dalam keluarga dan perhubungan antara jantina di samping khidmat nasihat klinikal dan program kemahiran hidup. d. Memberikan/meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai ilmu kesihatan reproduktif dan keibubapaan dalam kalangan remaja dan pasangan muda yang akan berkahwin melalui kursus-kursus seperti Kursus Pra-Perkahwinan dan SMART START yang

NO SOALAN: 19

disediakan oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) e. Memberi pendedahan kepada ibu bapa melalui Modul Cakna Diri - Edisi Ibu Bapa yang dikendalikan oleh LPPKN supaya ibu bapa mempunyai peranan dalam memberi pendidikan kesihatan reproduktif dan seksualiti. Modul ini sebagai panduan bagi meningkatkan pengetahuan ibu bapa berhubung kesihatan reproduktif remaja dan kemahiran dalam memahami perkembangan fisiologi dan psikososial anak remaja. f. KPWKM juga mengambil inisiatif menubuhkan Task Force Perkahwinan Bawah Umur di bawah Majlis Penyelaras bagi Perlindungan Kanak-Kanak. Task force ini terdiri daripada agensi Kerajaan yang berkaitan, ahli akademik dan aktivis kanak-kanak yang meneiliti isu berkaitan perkahwinan bawah umur. Antara perkara yang diusulkan di bawah task force ini ialah penyediaan laporan perubatan dan laporan sosial yang perlu dipertimbangkan oleh Hakim Syarie (Muslim), Ketua Menteri (bukan Muslim) dan Ketua Adat sebelum meluluskan suatu permohonan perkahwinan bawah umur; KPWKM juga sentiasa mengambil pendekatan yang sewajarnya mengenai perkahwinan bawah umur dan akan mengadakan sesi konsultasi dengan agensi lain bagi menangani isu berkaitan.